
**KAJIAN TAHAP KESUKARELAWAN DI KALANGAN
MASYARAKAT MALAYSIA**

UNTUK:



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL**

DISEDIAKAN OLEH:



**UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA
TINGKAT 2, BLOK D, KOMPLEKS PERDANA SISWA
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR**

DISEMBER 2005

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN TAHAP KESUKARELAWAN DI KALANGAN MASYRAKAT MALAYSIA

Pihak Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Sosial kerana telah memberi mandat dalam menjayakan kajian ini iaitu “Tahap Kesukarelawan di Kalangan Masyarakat Malaysia”.

Laporan ini terdiri daripada 7 bahagian. Bahagian 1 memberi huraian tentang tujuan kajian iaitu untuk mencadangkan satu indeks perhubungan dan integrasi kaum dengan mengambil kira peranan yang diberikan oleh pertubuhan sukarela. Dalam merealisasikan objektif ini dan dengan mengambil kira tentang halangan tempoh masa yang diperuntukkan untuk menyempurnakan kajian ini, tumpuan utama diberikan kepada penglibatan pertubuhan sukarela di Wilayah Persekutuan. Kajian ini meliputi 305 buah pertubuhan di mana 251 pertubuhan lokasinya di Wilayah Persekutuan. Bakinya adalah dari pertubuhan di Selangor, Melaka, Pulau Pinang dan Johor. Sebelum menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian, terlebih dahulu Bahagian 2 dari laporan ini menghuraikan tentang sejarah pertubuhan sukarela dalam masyarakat moden.

Bahagian 3 pula menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kaedah yang digunakan dalam kajian. Kajian ini menggunakan dua pendekatan. Pertama dalam menganalisis data yang telah dikumpulkan, pakej SPSS (*Statistical Package for Social Scientist*) digunakan. Di samping itu maklumat mengenai pertubuhan juga dipersembahkan dalam sistem GIS (*Geographical Information System*). Kaedah ini dijelaskan dengan terperinci dalam Bahagian 3.

Bahagian 4 pula telah menggunakan maklumat yang diperoleh dari soal selidik yang dikemukakan kepada 305 buah pertubuhan sukarela. Dalam bahagian ini profil pertubuhan sukarela telah dianalisis dari aspek jenis pertubuhan, keahlian dan objektif pertubuhan, sejarah penubuhan, pengurusan pertubuhan, aktiviti, sumber dan kewangan pertubuhan sukarela. Seterusnya Bahagian 5 pula melihat kepada sumbangan pertubuhan sukarela dalam membentuk perhubungan kaum dan integrasi nasional. Bahagian ini menghuraikan perkhidmatan yang diberikan untuk menilai setakat mana dan bagaimana pertubuhan berkenaan berfungsi. Bahagian ini akan dimulakan dengan memberi huraian mengenai perkhidmatan sebenar yang mereka berikan, bagaimana ia dilaksanakan (mekanisme penyampaian) dan siapa yang mendapat faedah daripada perkhidmatan tersebut. Di samping itu, bahagian ini juga menyentuh masalah yang dihadapi dalam menyampaikan perkhidmatan mereka. Akhirnya bahagian ini juga mencadangkan indeks perpaduan (perhubungan). Jelas kelihatan bahawa perhubungan kaum dan integrasi nasional boleh dicapai menerusi aktiviti, pengurusan dan saluran perkhidmatan pertubuhan sukarela.

Bahagian 6 pula melihat kepada peranan agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Belia, Pejabat Daerah dan Pejabat Penghulu. Bahagian ini dikaji kerana agensi tersebut juga memainkan peranan dalam perhubungan kaum dan integrasi nasional.

Akhir sekali, bahagian akhir pula merumuskan hasil kajian dan mencadangkan langkah perlu diambil oleh pihak yang berkenaan.